

Sikap penduduk punca masalah sampah

S.H 20/12/08 MKS 8

SEGAMBUT – Masalah sampah yang kian meruncing di beberapa kawasan di Segambut perlu diberi perhatian oleh wakil penduduk mahupun badan bukan kerajaan (NGO) lain.

Sampah bercampur bangkai tikus, anjing dan pelbagai botol minuman keras yang ditemui berhampiran Jalan 10/38A cukup menggambarkan betapa daifnya tahap pemikiran penduduk mengenai kesedaran menjaga kebersihan.

Ahli Brigid Parlimen Segambut, Shamsudin Arifin berkata, masalah sampah di Segambut seperti sudah tiada jalan penyelesaian kerana ia disyaki turut berpunca daripada sikap penduduk sendiri.

“Sebagai orang berpelajaran tinggal di kawasan perumahan, masing-masing perlu tahu cara dan tatasusila. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu amalkan cara hidup yang mementingkan kebersihan,” katanya.

Menurut beliau, sampah yang dibuang me-

rata-rata bukan sekadar menyakitkan mata, malah ia dilihat memberi imej buruk kepada pelancong asing yang datang ke negara ini untuk bercuti.

Sementara itu, penduduk, Ishak Sidek berharap syarikat yang terlibat dalam projek membersihkan supaya bersedia dan lebih peka dengan tahap kebersihan, khususnya di Segambut.

“Kita tidak mahu sikap penduduk menyebabkan penghuni lain di kawasan ini menanggung masalah dan persatuan penduduk perlu mengambil peranannya menyiasat dari mana datangnya sampah ini.

“Syarikat konsesi pula jangan lepas tangan, sebaliknya mereka juga perlu meningkat mutu perkhidmatan kerana kebanyakan rumah di kawasan ini membayar cukai pintu. Kutip sampah sehari sekali dan bukannya tiga hari atau seminggu sekali. Jika perkara ini diatasi, pasti masalah sampah longgok dapat dikurangkan,” katanya.